Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING:

- Pada kadar semasa OPR, pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi.
- Langkah kehematan makro serta beberapa langkah lain untuk mengurus ketidakseimbangan kewangan dalam sektor isi rumah dan pasaran harta tanah kekal mencukupi memandangkan sebahagian besar risiko dalam keadaan terkawal.

MPC kekalkan OPR pada 3.00%

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) yang bermesyuarat pada bulan Januari dan Mac telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00%. Pada mesyuarat MPC baru-baru ini pada bulan Mei, MPC turut mengekalkan OPR pada 3.00%. Pada kadar ini, pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi.

Prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2017 dijangka lebih baik berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 4.2% pada tahun 2016. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri dan sumbangan sektor luaran yang positif. Pertumbuhan eksport dijangka terus menyokong pertumbuhan keseluruhan. Ini sebahagiannya disebabkan jangkaan pertumbuhan ekonomi global yang lebih cepat. Inflasi keseluruhan juga diunjurkan lebih tinggi pada tahun 2017. Ini mencerminkan terutamanya kesan daripada pindahan kenaikan harga minyak global kepada harga bahan api runcit dalam negeri. Keputusan MPC mengekalkan OPR adalah berdasarkan penilaian bahawa kenaikan inflasi baru-baru ini hanya bersifat sementara. Dasar monetari bukan alat yang sesuai untuk menangani inflasi dorongan kos. Melangkah ke hadapan, MPC akan memantau dengan rapi tahap kesan limpahan daripada kos yang lebih tinggi terhadap trend harga yang lebih luas dan keadaan permintaan keseluruhan.

Penilaian Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank (Financial Stability Committee, FSC) menunjukkan kestabilan kewangan domestik kekal terpelihara

Pada suku pertama, FSC mendapati sumber utama risiko terhadap kestabilan kewangan domestik kekal berpunca daripada tahap hutang dalam negeri yang tinggi, kenaikan harga dalam beberapa segmen harta kediaman dan lebihan bekalan harta komersial, serta ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan. Penilaian FSC menunjukkan risiko berkaitan dengan hutang isi rumah dan leveraj sektor korporat sebahagian besarnya terkawal dan langkah kehematan makro sedia ada serta beberapa langkah lain adalah mencukupi. Keadaan dan bekalan kredit masih menyokong keperluan ekonomi. FSC berpendapat bahawa tahap kewaspadaan perlu ditingkatkan terhadap pembangunan harta komersial, prestasi pinjaman dalam beberapa segmen perniagaan dan aktiviti pemberian pinjaman oleh institusi kewangan bukan bank.

Memandangkan ketidaktentuan yang berterusan dijangka berlaku dalam pasaran kewangan serta sentimen pelabur global, Bank akan terus menilai kesan penyertaan asing dalam pasaran bon tempatan terhadap kestabilan kewangan domestik. Pada bulan April 2017, Jawatankuasa Pasaran Kewangan bersama-sama dengan Bank turut mengumumkan beberapa inisiatif untuk menggalakkan pasaran kewangan yang adil dan berkesan, meningkatkan mudah tunai pasaran bon, memudahkan aktiviti lindung nilai dan meningkatkan ketelusan pasaran. Pada suku-suku akan datang, Bank akan terus memantau kemajuan dan menilai potensi kesan penghapusan tarif untuk semua produk motor yang sedia ada (kecuali produk motor pihak ketiga), serta peralihan ke arah pengesahan PIN mandatori bagi kad pembayaran. Kedua-duanya berkuat kuasa mulai 1 Julai 2017.